

Headline	Premium baharu bantu AIA tingkat pertumbuhan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 May 2015	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	125,514
Page No	B6	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	149 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,705
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,115



# Premium baharu bantu AIA tingkat pertumbuhan

**AIA** Bhd yakin permintaan bagi segmen insurans hayat akan terus menyokong pertumbuhan perniagaan di Malaysia, tahun ini walaupun berdepan pelbagai sentimen termasuk pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang bermula April lalu.

Syarikat insurans terkemuka Malaysia turut menyoar pertumbuhan satu angka yang tinggi pada tahun ini menerusi premium baharunya.

Bakal Ketua Pegawai Eksekutif baharunya, Anusha Thavara-jah, berkata syarikatnya yakin mampu mencapai sasaran berkenaan didorong pertumbuhan permintaan dalam kalangan pengguna yang memerlukan perlindungan kesihatan lebih baik.

Selain itu katanya, pencapaian keseluruhan syarikat yang

memberangsangkan selain prestasi pertumbuhan kukuh bagi segmen insurans hayat turut membantu ke arah usaha berkenaan.

“Suku pertama tahun ini menyaksikan pertumbuhan agak perlahan dalam industri insurans berikutan kesan daripada pelaksanaan GST yang memberi sentimen kepada pengguna.

## Punya peluang meningkat

“Bagaimanapun, industri berkenaan tetap mempunyai peluang untuk meningkat tahun ini. Tahun lalu kita berjaya mencapai pertumbuhan satu angka yang rendah, tetapi pada tahun ini kita menjangkakan pertumbuhan lebih tinggi,” katanya ketika ditemui selepas sidang media mengumumkan kepimpinan baharu AIA di Kuala

Lumpur, semalam.

Yang turut ialah Ketua Eksekutif Serantau AIA Group, Ng Keng Hooi dan Ketua Pegawai Eksekutif AIA Bhd, Bill Lisle.

Pada majlis itu, Anusha diumumkan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif menggantikan Bill, berkuat kuasa 1 Jun ini.

Pelantikan itu sekali gus menjadikan Anusha wanita pertama memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif dalam enam pasaran terbesar AIA di rantau Asia Pasifik.

Anusha yang mula menyertai AIA pada Oktober 2011 sebagai Timbalan Pengurus Besar Kewangan dan Aktuari akan meneruskan usaha pertumbuhan syarikat yang kukuh selain memberi tumpuan peningkatan perkhidmatan serta kemudahan kepada pelanggan.